



'Lepasan SPM tidak minat ke IPT bukan sebab biasiswa, pinjaman' - Khaled

Oleh [Omar Ahmad](#) - Jun 22, 2023 @ 3:50pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, meninjau hasil projek pelajar di Creative Design Center (CDEC) sempena lawatan ke Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) hari ini.

PASIR GUDANG: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menafi syarat ketat biasiswa dan pinjaman sebagai faktor utama kurangnya minat pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pelbagai kemudahan dan tawaran biasiswa ditawarkan bagi mengurangkan bebanan pelajar ketika menuntut di IPT.

Malah, katanya, menerusi Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (Sulung) bagi anak-anak dari keluarga B40 yang pertama kali masuk ke Universiti, juga dikecualikan daripada bayaran yuran pengajian.

"Sebanyak 10,000 tawaran atau tempat menerusi Program Sulung yang diperkenalkan pada Oktober tahun lalu.

"Menerusi program ini, pelajar hanya perlu membuat pinjaman untuk kos sara hidup dan penginapan, jadi dah kurang kos itu.

"Lain-lain kemudahan pinjaman yang kita sediakan ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), ini kita beri kepada semua semua pelajar, syarat tidak ketat.

"Jadi kalau mereka kata syarat ketat rasa itu bukan sebabnya. Saya ingat pelajar yang tidak masuk IPT itu sebab tidak lulus atau mohon atau pilih satu subjek yang tidak sesuai dengan kelayakan mereka. Bukan sebab syarat ketat biasiswa atau pinjaman.

"Masuk dahulu IPT, baru lihat sama ada mereka boleh dapat pinjaman atau tidak," katanya selepas melakukan lawatan kerja sulong di Politeknik Ibrahim Sultan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab dakwaan kononnya syarat ketat yang dikenakan untuk permohonan biasiswa atau pinjaman menyebabkan ramai pelajar lepasan SPM memilih tidak melanjutkan pengajian di IPT.

BH hari ini, melaporkan Angkatan Mahasiswa Universiti Malaya mengesyorkan supaya kerajaan melaksanakan lebih banyak inisiatif dari segi bantuan kewangan atau pelan yang dapat memberi jaminan kewangan kepada pelajar untuk sambung pengajian.

Presiden Angkatan Mahasiswa Universiti Malaya (UM), Nur Nazirah Abdullah, berkata faktor utama mereka tidak mahu menyambung pelajaran adalah kerana mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Selain itu, Nur Nazirah turut melaporkan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), di mana pelajar sekurang-kurangnya mendapat 9A+ atau A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memohon tajaan secara tidak langsung akan mengurangkan minat mahasiswa.